

Peranan Etika Dan Peradaban Dalam Mendukung Tanggungjawab Sosial

Objektif Pembelajaran

- Pelajar mengetahui dan menghayati kepentingan etika dalam menjalani kehidupan seharian sama ada sebagai pelajar atau pekerja.
- Pelajar memahami dan menghayati kepentingan mereka untuk berperanan aktif dalam menjalankan tanggungjawab sosial bagi mendukung usaha mewujudkan masyarakat yang sejahtera, adil dan selamat.
- Pelajar mampu memahami, menghayati dan mempraktikkan nilai-nilai keadilan sosial yang menjadi teras kewujudan sebuah masyarakat yang harmonis.
- Pelajar peka dan menyedari tentang pentingnya usaha mengekang amalan tidak beretika

Definisi Tanggungjawab sosial

- mengakui bahawa pilihan atau pembuatan keputusan dan tingkahlaku seseorang memberi kesan kepada alam persekitaran di mana ia tinggal.
- Keputusan yang diambil sebagai individu, pekerja, majikan, rakyat, profesional dan ahli politik memberi impak kepada persekitaran sosial dan fizikal.
- Tanggungjawab sosial sebahagian daripada etika kerana individu bertanggungjawab untuk memenuhi tugas kewarganegaraan mereka
- Individu sebagai warga yang bertanggungjawab sentiasa mengutamakan kepentingan masyarakatnya atau negaranya.
- Secara global, manusia juga mempunyai tanggungjawab ke atas kesejahteraan sosial bagi seluruh penduduk dunia.
- keseimbangan antara peranan warga negara dan warga global menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, pemeliharaan kebajikan masyarakat yang adil dan pemeliharaan alam sekitar yang mampan.

Sejarah Kemunculan Prinsip Tanggungjawab Sosial

- revolusi industri di barat
- Ketamakan para kapitalis mengejar keuntungan menyebabkan timbulnya isu penindasan ke atas golongan pekerja
- Abad ke 20 syarikat besar mula memberikan tumpuan kepada isu kecekapan dan keperluan pekerja
- Pada tahun 1950an beberapa organisasi yang menyediakan kerja amal dan sumbangan, tetapi idea tanggungjawab sosial belum benar-benar terbentuk
- Pada hari ini tanggungjawab sosial tidak lagi terhad kepada isu-isu ekonomi dan perniagaan sebaliknya meresapi pelbagai bidang seperti pembangunan sumber manusia, kenegaraan dan teknologi serta alam sekitar.

Pembahagian Tanggungjawab sosial

- i. Tanggungjawab sosial sebagai rakyat (ahli masyarakat)
- ii. Tanggungjawab sosial sebagai profesional (pekerja)
- iii. Tanggungjawab sosial dalam organisasi atau korporat.
(Perniagaan dan ekonomi)
- iv. Tanggungjawab sosial ke atas alam sekitar

Tanggungjawab sosial sebagai rakyat (ahli masyarakat)

- tanggungjawab terhadap diri sendiri
- menjadi agen moral - memastikan setiap tindakan yang dilakukan adalah mengikut etika yang baik tanpa perlu pengawasan oleh agensi penguatkuasaan luaran dan ancaman seperti hukuman atau tekanan masyarakat di sekeliling
- Sebagai khalifah -ber tanggungjawab dan amanah - individu yang mampu mengawal tindakannya dan tidak melanggar undang-undang negara, etika kerja dan manusia yang memiliki watak yang baik
- Manusia berakhlak mulia dan beriman - Firman Allah SWT yang bermaksud:
- *"Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk menyembah dan beribadat kepadaKu." (al-Dharyat, 51: 56)*

Tanggungjawab Sosial Terhadap Manusia Lain.

- Prinsip Kebaikan kepada diri sendiri dan kebaikan kepada orang lain
- Interaksi dan kerjasama sebagai asas hidup bermasyarakat
- Saling memerlukan - Manusia memerlukan orang lain untuk memenuhi pelbagai keperluan hidupnya, dan begitu jugalah keperluan orang lain kepadanya
- terbentuklah komuniti yang kemudiannya dipanggil tamadun apabila wujudnya sistem bermasyarakat atau komuniti yang sistematik dan kompleks (memiliki sistem peraturan, undang-undang, sistem budaya, organisasi sosial, politik dan ekonomi yang kompleks),
- tempat berdirinya tamadun tersebut dipanggil madinah (bandar atau kota).
- Peranan menjadi Peniup Wisel - pendedahan salah laku dan perbuatan tidak beretika dalam masyarakat / organisasi
- Sifat kesukarelawanan dan kedermawanan

Tanggungjawab Sosial Terhadap Profesional (Pekerja)

- Terdapat enam sifat amanah kepada profesion yang perlu dipegang iaitu jujur, berterus terang, cekap, tekun, teliti, setia dan menyimpan rahsia
- Suasana kekeluargaan, kasih sayang, muafakat, dan kebajikan dalam organisasi - menimbulkan keseronokan bekerja
- prinsip menjaga tanggungjawab kepada *pelanggan* atau pemegang taruh,
- pekerja atau profesional memiliki tanggungjawab sosial kepada masyarakat umum, dipanggil *pihak ketiga*.
- Tanggungjawab sosial yang paling utama ialah memberikan *perkhidmatan yang sama* kepada semua tanpa mengira agama, warna kulit, jantina, fahaman politik dan status sosio-ekonomi
- prinsip tanggungjawab *fidusiari* seorang pekerja dengan majikan atau pemegang saham.

Tanggungjawab Sosial Terhadap Organisasi Atau Korporat

- kewajiban pengurusan sesebuah organisasi untuk membuat keputusan dan mengambil tindakan yang membantu dalam kebajikan dan kebaikan kepada masyarakat dan juga organisasi.
- Tanggungjawab sosial korporat (CSR) bermaksud komitmen syarikat dan organisasi korporat terhadap keperluan sosial (hak masyarakat, penjagaan alam sekitar, kebajikan para pekerja, hak-hak pengguna dan sebagainya).
- tujuh subjek utama tanggungjawab sosial iaitu :
 - 1. Tadbir urus organisasi
 - 2. Hak asasi manusia
 - 3. Amalan buruh
 - 4. Alam Sekitar
 - 5. Amalan operasi yang adil
 - 6. Isu-isu pengguna
 - 7. Penglibatan dan pembangunan masyarakat

Tanggungjawab Sosial Ke Atas Alam Sekitar

- . Allah SWT. menjelaskan di dalam surah al-Rum ayat 41:
- “Telah timbul berbagai-bagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan-tangan manusia, timbulnya yang demikian kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).”
- Pelanggaran ke atas hukum-hukum ekosistem semulajadi mengganggu keseimbangan ekosistem keseluruhannya yang mengakibatkan kemerosotan kesihatan masyarakat atau penduduk.
- isu pencemaran masih sukar diatasi kerana kegagalan pelbagai pihak sama ada pengguna, peniaga dan masyarakat awam menghayati tanggungjawab sosial dalam menjaga atau memelihara alam sekitar.
- Contoh pencemaran air akibat pembuangan sisa-sisa kimia - pencemaran ammonia dan bahan cemar lain dari kilang-kilang ke sungai-sungai. Di antara kawasan yang teruk tercemar yang pernah dilaporkan ialah di kawasan Pasir Gudang iaitu Sungai Kim Kim dan Sungai Johor di Johor.

Kesimpulan

- Penghayatan nilai
- Prinsip Kebaikan, keseimbangan, agen moral, amanah, kesukarelawanan, kedermawanan, Peniup Wisel, Prinsip Fidusiari, Pihak Ketiga
- Allah sentiasa melihat setiap amalan yang dilakukan sebagaimana firmanNya dalam surah Surah At-Taubah (9:105), yang bermaksud:
- *“Dan katakanlah (Wahai Muhammad): beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan”.*